

BAB

II

BAB II

SEJARAH LEMBAGA TABUNG HAJI SERTA PERANAN EKONOMI DAN URUSAN HAJI

2.1 Pendahuluan

Pada umumnya LTH adalah merupakan satu organisasi yang menjalankan kegiatan ekonomi dari hasil simpanan bakal-bakal jemaah haji atau pendeposit-pendeposit lain dari kalangan umat Islam. Tugas organisasi LTH adalah merupakan ‘serampang dua mata’. Pertama, mengadakan kemudahan untuk umat Islam menyimpan wang secara beransur-ansur tanpa dicemari oleh riba’ bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardu haji atau lain-lain perbelanjaan yang bermanfaat. Manakala keduanya adalah untuk mengadakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti bagi memenuhi keperluan kebajikan, kesihatan dan pengawasan yang teratur serta perlindungan menyeluruh di Tanah Suci bagi umat Islam yang menunaikan fardu haji. LTH juga menggalakkan orang Islam menyimpan untuk tujuan-tujuan lain dan dalam masa yang sama untuk menikmati keuntungan dari simpanan mereka yang dilaburkan oleh LTH¹⁴ dalam pelbagai sektor ekonomi negara dan masyarakat.

¹⁴ LTH, ulang tahun ke-30, *Buku Cenderamata*, 1993 hal 17

2.2 SEJARAH PENUBUHAN LEMBAGA TABUNG HAJI

Menunaikan fardu Haji ke Mekah bukanlah suatu perkara baru dikalangan pengikut agama Islam. Menurut catatan sejarah, penduduk Tanah Melayu telah pergi menunaikan fardu haji seawal-awalnya dalam kurun kelima belas atau lebih awal daripada itu¹⁵. Kerana Haji adalah kefarduan dalam agama Islam dan masyarakat negara ini menerima atau menganut Islam semenjak kurun ke 8 (masih 16) atau selepasnya¹⁶.

Namun begitu hingga tamat Perang Dunia Kedua, belum ada mana-mana badan atau pihak yang bertanggungjawab sepenuhnya ditubuhkan samada pihak swasta atau Kerajaan Tanah Melayu bagi mengurus hal-ehwal urusan haji serta kebijakan para jemaahnya.

Keadaan ini telah menyebabkan bakal-bakal haji dan masyarakat di Tanah Melayu dianggap terbiar, tidak mendapat perhatian dan layanan yang sewajarnya dari pihak yang berkenaan. Jesteru itu timbul berbagai-bagai sungutan serta rasa tidak puas hati masyarakat dan keadaan ini telah

¹⁵ Misbaha, Haji Mohd Salleh bin Haji Awang, *Haji di Semenanjung Malaysia, Sejarah dan Perkembangan, semenjak tahun 1896-1985*. Cetakan 1 hlm. 109

¹⁶ Dr. Wan Husni Azmi, *Islam di Aceh masuk dan berkembangnya hingga abad XVI*, kertas kerja diseminar masuk dan berkembangnya Islam di Indonesia yang diadakan di Medan 1981, hlm 179

menimbulkan kesedaran kerajaan untuk memberi perhatian berat terhadap pengurusan haji di negara ini.

Sebagaimana yang telah belaku, pada masa belum Perang Dunia Kedua dan selepasnya hingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan Singapura dan Pulau Pinang menjadi dua pelabuhan terpenting bagi jemaah haji negara kita untuk berlepas ke Jeddah bagi menunaikan fardu haji.

Apabila tiba musim haji, maka beberapa jalan di Singapura dan Pulau Pinang menjadi perkampungan jemaah Haji dan pengantar-penghantarnya. Secara umumnya dapatlah dikatakan bahawa para jemaah yang akan menunaikan fardu haji terpaksa menghadapi berbagai masalah semenjak sebelum dan selepas berlepas ke Tanah Suci. Antara masalah yang timbul ialah perbelanjaan perjalanan, tempat penginapan, urusan kapal untuk belayar, kesihatan, makanan serta masalah mendapatkan bimbingan haji semasa mengerjakan haji di Tanah Suci¹⁷. Oleh kerana itu dan atas sebab-sebab ini maka lahirlah idea-idea untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan. Dengan itu tertubuhlah ahli jawatankuasa kecil untuk membincangkan dan menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan haji. Jawatankuasa itu dikenali sebagai Ahli Jawatankuasa Urusan Haji¹⁸.

¹⁷ Misbaha, *Haji Di Semenanjung Malaysia*, hlm 231

¹⁸ Jabatan Perdana Menteri, *Sejarah Perkembangan Lembaga Tabung Haji – 30 tahun*, hlm 104

Mengikut Ungku Abdul Aziz (1959) dalam kertas kerja beliau berkata. " Ekonomi umat Islam di Malaysia adalah dikaitkan dengan tingkat kemiskinan yang tinggi dan kadar simpanan yang rendah. Namun mereka mempunyai sumber tradisi yang banyak seperti tanah, aset pusaka dan binatang ternakan"¹⁹

Di samping itu terdapat kaedah simpanan yang tidak selamat seperti di bawah tilam dan bantal, di dalam almari dan tempayan. Kaedah simpanan itu menjelaskan perekonomian umat Islam luar bandar. Tambahan pula, umat Islam ketika itu tidak mempunyai pilihan untuk menyalurkan wang simpanan mereka memandangkan semua institusi kewangan yang ada membabitkan unsur riba' dan dikuasai oleh orang bukan Islam serta kecetekan pengetahuan mereka tentang faedah menyimpan wang dengan cara moden. Motif utama umat Islam menyimpan wang adalah untuk menuaikan haji, biarpun kedudukan ekonomi mereka tidak begitu mantap. Namun begitu dalam keadaan yang lain terdapat sebahagian umat Islam yang dapat memenuhi hasrat menuai haji dengan menjual atau menggadai aset tradisi yang sedia ada²⁰. Keadaan ini boleh menjelaskan ekonomi para jemaah haji sekembalinya dari tanah suci nanti.

¹⁹ Kertas Kerja beliau yang asalnya berjodol : "Pilgrimage Economy Improvement Plan"

²⁰ Lihat *Al-Islam*, Februari 1987, hal 5.

Oleh kerana itu perlu ada satu organisasi yang tertentu untuk menggalakkan umat Islam menyimpan wang bagi tujuan menunaikan fardu haji. Dimana badan ini perlu menjadi tabungan bagi golongan ini. Dengan itu setelah mencapai tujuan ini tidak ada lagi mereka menjual eset dengan serta-merta untuk menunaikan fardu haji sedangkan eset itulah juga sebagai sumber mata pencarian setelah kembali dari Mekah.

Cadangan tertubuhnya institusi tanpa riba yang dapat memberi kemudahan kepada umat Islam untuk menyimpan wang dan pada masa yang sama melakukan pelaburan yang dapat memperolehi keuntungan daripada wang simpanan tersebut telah disambut baik oleh kerajaan. Keuntungan yang diperolehi itu diagihkan kepada penyimpan dalam bentuk perkongsian untung (bonus). Untuk membuat tuntutan tersebut Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji telah ditubuhkan pada tahun 1962 dan diperbadankan pada 30 September 1963.²¹

Dengan itu pada tahun 1969, satu perbadanan telah ditubuhkan iaitu perbadanan yang digabungkan dengan Pejabat Urusan Haji yang telah beroperasi sejak tahun 1951 sebagai satu organisasi baru yang dikenali sebagai Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH). Lembaga ini dikawal oleh Akta (8) Lembaga Urusan dan Tabung Haji, 1969 dan Akta (A) (168)

²¹ Kertas Kerja beliau yang asalnya berjodol : "Pilgrimage Economy Improvement Plan"

Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1973²². Berasaskan LTH adalah institusi kewangan berlandaskan syariah Islam terawal di negara ini.

Untuk membolehkan LTH melaburkan dananya di luar dari Malaysia, akta tersebut telah dipinda menjadi Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1995 dan organisasi ini dikenali sebagai Lembaga Tabung Haji (LTH)²³.

Dengan itu LTH telah menyediakan landasan yang kukuh bagi memberikan produk dan perkhidmatan dalam dua bidang utama.

Pertama: untuk memberikan perkhidmatan kepada umat Islam menyimpan wang secara beransur-ansur tanpa dicemari oleh riba' bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardu haji.

Kedua: untuk memberi peluang kepada umat Islam untuk mengambil bahagian dengan lebih berkesan dibidang penanaman modal dalam sektor yang telah dikenalpasti seperti sektor perusahaan, perdagangan, perladangan serta tanah dan bangunan melalui wang simpanan mereka dengan cara yang

²² Lihat Akta 535, *Akta Tabung Haji 1995*, hal 10 & 11

²³ Ibid, hal 11

halal di sisi agama²⁴

2.3 Islam dan Aktiviti Ekonomi

Sesungguhnya Islam adalah agama (al-Din) yang memberi panduan kepada umat manusia mengenai kehidupan dari segi keduniaan dan juga keakhiratan. Tiada satu bidang dari cabang kehidupan yang tidak disentuh dan dijelaskan oleh Islam. Firman Allah s.w.t dalam Surah An-Nisaa' ayat : 29

يَأَيُّهَا الَّذِينَ
إِمْنَوْا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَ حُكْمٍ^١ يَأْتِيَكُمْ إِلَّا أَنْ
تَكُونَتْ تِحْكُرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا نَفْتَلُوا أَنفُسَكُمْ
إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَّحِيمًا ﴿٢٩﴾

Bermaksud : "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta di antara kamu dengan jalan yang salah kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu berbunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihi kamu"

²⁴ Data-data Penting Lembaga Tabung Haji, 1980-1987

Firman Allah s.w.t dalam surah Al-Ma''idah ayat : 4

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ
عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya : *'Hari ini telah Aku sempurnakan agama Aku untuk kamu dan telah sempurna nikmatKu atas kamu dan aku redha Islam adalah agama kamu.*

Dari ayat di atas, Islam memberi gambaran yang halus, baik secara langsung atau isyarat terhadap perkara ilmu seperti ekonomi, geografi, sains , astronomi, pertukangan, kedoktoran dan sebagainya. Secara jelasnya kita akan dapat dalam Islam melalui al-Quran mengatakan bidang ekonomi yang harus dikembangkan bagi memperlihatkan kepada manusia bidang ekonomi sebagai sumber penghidupan, disamping membimbing manusia untuk mencapai kemakmuran melalui prinsip yang telah digariskan. Ini demi membawa kemajuan dan pembangunan kepada manusia, masyarakat dan seterusnya negara dari sudut pembabitan dan pencapaian ekonomi yang dijalankan

Dari persepektif Islam penciptaan manusia oleh Allah dan penempatannya di muka bumi adalah dengan maksud sebagai khalifah yang mempunyai objektif untuk memakmurkan penghidupan di bumi ini berasaskan pengabdian kepada Allah selaras dengan firman Nya dalam Surah Al Baqarah, ayat 30.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً
قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الْمَاءَ وَنَحْنُ
نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya : Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat:
“Sesungguhnya Aku akan menjadikan seorang kalifah dimuka bumi.” Mereka berkata mengapa Engkau hendak jadikan kalifah di muka bumi, kerana mereka membuat kerosakan padanya dan menumpah darah, padahal kami entiasa bertashih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu mengetahui”.

Antara tanggungjawab mengurus dan memakmurkan bumi ialah membuat pengurusan ekonomi dari sumber-sumber ekonomi berdasarkan system dan etikaynag sesuai dengan syariah. Dalam hubungan ini Allah s.w.t berfirman dalam surah al-jumu'at ayat 10.

فَإِذَا قُضِيَتِ الْأَصْلَوَةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ
وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَإِذْ كُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا أَعْلَمُكُمْ نَفْلِحُونَ

Bermaksud;

Apabila telah ditunaikan sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi, dan carilah kurnian Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak, moga-moga kamu beroleh kejayaan.

Bagi memastikan umat Islam mencapai kemajuan yang tinggi dan baik dalam pemguasaan ekonomi, Islam sentiasa menggalakkan penglibatan umat Islam dalam beberapa aktiviti ekonomi yang menguntungkannya antaranya:

2.3.1 Ekonomi Dari Sudut Perindustrian

Sektor perindustrian adalah satu cabang dari aktiviti ekonomi yang utama untuk dimajukan dan diusahakan. Di dalam Al-Quran Allah menyatakan;

أَتُؤْفِي زُبَرَ الْحَدِيدِ حَقَّ إِذَا سَأَوَى بَيْنَ الصَّدَفَيْنِ
قَالَ أَنْفُخُوا هَذَا إِذَا جَعَلْتُهُ نَارًا قَالَ أَتُؤْفِي أَفْرِغَ عَلَيْهِ قِطْرًا

Maksud : ‘Berilah aku potongan-potongan besi “sehingga apabila ia terkumpul separas tingginya menutup lapangan antara dua gunung itu. ia pun memerintahkan mereka membakarnya dengan berkata tiuplah dengan alat kamu. sehingga ia menjadikan merah menyala seperti api berkatalah ia bahawa bawalah tembaga cair supaya aku tuangkan atasnya”.

(Surah Al-Kahfi ayat : 96)

Dalam hubungan ini, Islam menyuruh umatnya supaya berusaha untuk menyelami bidang ini untuk dijadikan sumber pendapatan dan memajukan bumi serta penghidupan manusia di bumi ini.

2.3.2 Ekonomi Dari Sudut Perniagaan

Dalam bidang perniagaan atau jual beli, ia mempunyai cabang yang amat luas. Bagaimanapun, dalam apa jua bentuk dan keadaan peniagaan, al-Quran telah menjelaskan beberapa bentuk dasar dan prinsip yang tersendiri demi menjamin keadilan dan tidak dicemari oleh unsur-unsur batil dalam urusan perniagaan ini. Dalam hal ini Al-Quran telah menjelaskan melalui Surah Al-Nisa' Ayat 29 :

يَأَيُّهَا الْمُرْسَلُونَ
إِنَّمَا أَنْهَاكُمْ عَنِ الْآمِانِ
مَا مَنَعَكُمْ إِذَا تَرَكْتُمُ
مَا لَمْ تَرْكُمْ أَنْ تَكُونَ
بِخَيْرٍ وَمَا مَنَعَكُمْ
إِنَّمَا أَنْهَاكُمْ رَحِيمًا

Bermaksud : "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta di antara kamu dengan jalan yang salah kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu berbunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihi kamu "

Ayat di atas menegaskan betapa pentingnya menjalin perasaan suka sama suka di antara dua pihak yang terbabit dalam akad jual-beli yang halal agar menjadikan jual-beli itu baik dan beretika. Oleh itu, demi menjaga dari amalan yang merosak dan menjelaskan sistem perniagaan atau jual-beli, Allah s.w.t telah meletakkan beberapa garis panduan atau prinsip yang mesti dipatuhi dan dilaksanakan. Dalam hubungan ini hukum Islam telah menggariskan peruntukan dan hukum yang nyata tentang amalan perniagaan yang baik seperti beramanah, perancangan yang betul, tidak kianat dan lain-lain lagi yang dianggap tidak bertentangan dengan agama, syariah dan akhlak Islam.

2.3.3 Ekonomi Dari Sudut Pertanian

Firman Allah s.w.t dalam Surah Al-Ra'd, ayat 4 firman-Nya :

وَفِي الْأَرْضِ
قِطْعٌ مُتَجَوِّرٌ وَجَنَّاتٌ مِنْ أَعْنَبٍ وَزَرْعٍ وَنَخِيلٌ صَنْوَانٌ
وَغَيْرُ صَنْوَانٍ يُسْقَى بِمَاءٍ وَحِدٍ وَنَفَصِيلُ بَعْضُهَا عَلَى بَعْضٍ
فِي الْأَكْلِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِيْتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Bermaksud : "Dan diberi ada beberapa bidang tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya), padang ada kebun anggur dan jenis tanaman serta pohon tamar (yang merumpun dan tidak berumpun); semuanya disiram dengan air yang sama, dan Kami lebarkan buah setengahnya dari setengah yang lain (pada bentuk, rasa, rupa) Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda orang yang (mau) berfikir serta memahaminya"

2.3.4 Ekonomi Dari Sudut Penternakan

Firman Allah s.w.t dalam Surah Al-Nahl; ayat 5-8 firman-Nya :

وَالْأَنْعَمَ
خَلَقَهَا كُلُّمٌ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنْفَعٌ وَمِنْهَا أَتَى كُلُّونَ
وَلَكُمْ فِيهَا جَمَالٌ حِينَ تُرْبَحُونَ وَحِينَ سَرَحُونَ
وَتَحْمِلُ أَثْقَالَ كُلُّمٌ إِلَى بَلَدٍ لَمْ تَكُونُ أَبْلَغِيهِ إِلَّا يُشَقِّ
الْأَنْفُسُ إِنَّ رَبَّكُمْ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ
وَالْمُنْيَلَ وَالْمُغَالَ
وَالْحَمِيرَ لَرَكَبُوهَا وَرِزْنَةً وَيَخْلُقُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Bermaksud : “Dan binatang ternakan itu, Ia juga menciptakannya untuk kamu. Terdapat padanya benda yang memanaskan tubuh dan sejuk dan beberapa faedah yang lain; dan daripadanya juga kamu makan. Dan bagi kamu pada binatang ternak itu keindahan (yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berehat dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi). Dan binatang itu pula membawa barang kamu ke mana-mana negeri yang kamu tidak dapat sampai kepadanya, melainkan dengan menunggang bersusah-payah, sesungguhnya Tuhan

kamu amat melimpah belas kasihan dan rahmat-Nya. Dan (Allah menjadikan) kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya. Dan menjadi perhiasan, dan itu menjadikan apa yang kamu tidak mengetahuinya.

2.3. 5 Ekonomi Modal Dan Pelaburan

Dalam kehidupan masyarakat termasuk dalam masyarakat Islam kadangkala terdapat individu yang mendapati ada lebihan pendapatan untuk keperluan bagi menyara kehidupan diri dan keluarganya. Lebihan pendapatan itu ada yang kecil dan ada yang besar, tetapi mereka tidak mempunyai cukup kemahiran bagi mengendalikan aktiviti ekonomi seperti pertanian, perladangan, perdagangan dan lain-lainnya serta tidak mempunyai masa yang terluang untuk memberi tumpuan kepada aktiviti ekonomi lain secara langsung atau tidak langsung. Begitu juga lebihan pendapatan yang kecil untuk menjalani aktiviti ekonomi secara langsung yang selalu memerlukan dana dan modal yang besar. Bagi memenuhi keperluan ini agar lebihan kewangan tidak menjadi setatik dan berkembang, perlu ada satu badan yang mengurus dana tersusun untuk mendapat keuntungan.

Oleh yang demikian Islam mengharuskan akad persetujuan berdasarkan reda diantara dua belah pihak iaitu pihak yang mempunyai wang dengan pihak yang ingin

menjalankan kegiatan atau akitiviti ekonomi. Kamudian hasil daripada keuntungan tersebut diagih mengikut persetujuan yang telah di buat. Dengan ini kedua-dua belah pihak dapat menikmati keuntungan dari sumbangan masing-masing. Islam juga menggalakkan kerjasama sesama penganutnya yang berdasarkan kerjasama yang baik dan tidak mempunyai unsur-unsur zalim dan penindasan sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al-Ma''idah ayat 2,

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُحِلُّوْ شَعْدِرَ اللَّهِ
وَلَا أَشْهَرُ الْحَرَامَ وَلَا أَهْدِيَ وَلَا أَقْتَلِدَ وَلَا أَمِينَ الْبَيْتَ
الْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنْ رَبِّهِمْ وَرِضْوَانًا وَإِذَا حَلَّلْتُمْ فَاصْطَادُوْا
وَلَا يَجْرِي مَنْكُمْ شَنَاعًا قَوْمٌ أَنْ صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ
الْحَرَامِ أَنْ تَعْتَدُوْا وَتَعَاوِنُوْا عَلَى الْبَرِّ وَالْقَوْيِ وَلَا نَعَاوِنُوْا
عَلَى الْإِثْمِ وَالْعَدْوَنِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Bermaksud : *Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu melanggari syariah-syariah Allah dan jangan kamu melanggari kehormatan bulan-bulan haram, jangan mengganggu binatang-binatang had-ya (quban dan dam) dan binatang-binatang qalaa-id, dan jangan mengganggu orang-orang yang mengunjungi Baitullah sedang mereka mencari kurnia dan keredhaan dari Tuhan mereka dan apabila kamu telah selesai ibadat haji, maka bolehlah kamu berburu.*

Dan janganlah sekali-kali kebencian mu kepada sesuatu kaum kerana mereka menghalang-halangi kamu dari Masjidi Haram, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka). Dan tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa, dan jangan kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.

Dalam hubungan ini maka lahirlah aktiviti ekonomi yang berdasarkan Islam seperti syarikat, al-mudharabah, al-murabahah, al-gardhul hassan dan lain-lain lagi. Melalui ini LTH telah berperanan mengembangkan dana dari pendeposit melalui aktiviti ekonominya sendiri seperti dalam sektor perladangan, perdagangan, pembinaan dan lain-lain lagi. Keuntungan diagih mengikut persetujuan bersama. Oleh yang demikian hasil dari pengumpulan dana ini telah menjadikan institusi ini berdaya maju selari dengan pasaran modal dan pelaburan bagi pihak pendeposit LTH.

2.4 Ibadat Haji Dan Aktiviti Ekonomi

Pada setiap bulan Zulhijah setiap tahun umat Islam berkumpul di satu tempat di Tanah Suci adalah semata-mata untuk melaksanakan ibadat haji.

Ibadat haji ini sebagai tuntutan dalam syariah Islam yang dibawa oleh baginda Nabi Muhammaad SWT di arah supaya menyeru manusia datang mengerjakannya. Dengan difardukan ibadat ini dalam Islam, lanjutan dari apa yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim menjadikan ibadat haji telah berpanjangan kepada Nabi Muhammad SWT dan melaluinya Kaabah sentiasa dikunjunginya oleh masayarakat Islam dari pelbagai pelusuk dunia. Mereka datang untuk mengerjakan haji dan untuk manfaat lain sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah Al Haj, ayat 27-28:

وَأَذْنَّ فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ
كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَكَ مِنْ كُلِّ فَجَّ عَمِيقٍ لَّهُمْ لَيَشْهَدُوا
مَنْفَعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا أَسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ
عَلَىٰ مَارَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَمِ فَلَمَّا وَمَّا أَطْعَمُوا
الْبَآسَ الْفَقِيرَ

Bermaksud : “Dan berserulah kepada manusia untuk mengerjakan haji nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan menunggang unta yang kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh. Supaya mereka mempersaksikan pelbagai manfaat bagi mereka dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari yang telah ditentukan (hari raya haji dan hari tasrik) atas rezeki yang Allah berikan kepada mereka berupa binatang ternakan. Maka makanlah sebahagian daripadanya dan sebahagian lagi berikanlah untuk dimakan oleh orang-orang yang sengsara lagi fakir.

Penganjuran yang perlu dihayati dalam ayat di atas ialah umat Islam perlu berkumpul untuk kebaikan selain untuk tujuan beribadat, juga umat Islam digalakkan mempergiatkan lagi pelbagai urusan lain termasuklah ekonomi sesama mereka di Mekah. Oleh itu penulis berpendapat perlu dihidupkan kembali pusat perdagangan Islam sebagai penggerak kepada ekonomi umat Islam keseluruhannya. Pertemuan ini boleh dimanfaatkan sebagai satu pusat perdagangan dan seminár perdagangan atau pemeran perdagangan umat Islam semasa. Perkara ini boleh dilakukan oleh umat Islam walaupun datang untuk beibadat haji sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah, ayat 197 hingga 198. FirmanNya:

الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَعْلُومٌ فَمَنْ فَرَضَ فِيهِنَّ الْحَجَّ فَلَأَرْفَثَ
وَلَا فُسُوقَ وَلَا جِدَالَ فِي الْحَجَّ وَمَا تَفَعَّلُوا مِنْ حَيْرٍ
يَعْلَمُهُ اللَّهُ وَتَرَزُّدُوا فَإِنَّ حَيْرَ الزَّادِ النَّقْوَىٰ وَأَنَّقُونَ
يَتَأْفِلِي الْأَلَبَبِ ﴿١٩٧﴾ لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ
تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ فَإِذَا آتَيْتُمْ مِنْ
عَرَفَتِ فَإِذَا كُرُوا اللَّهُ عِنْدَ الْمَسْعَرِ الْحَرَامِ
وَإِذَا كُرُوهُ كَمَا هَدَنَّكُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ
لِمِنَ الظَّالِمِينَ

Bermaksud : *Musim haji adalah beberapa bulan yang dimaklum barangsiapa yang menetapkan niatnya dalam bulan itu akan mengerjakan haji. maka tidak boleh mengeluarkan perkataan yang menimbulkan berhaha yang tidak senonoh atau bersetubuh. berbuat fasik dan berbantah-bantah di dalam masa mengerjakan haji. Dan apa yang kamu kerjakan berupa kebaikan, nescaya Allah mengetahuinya dan sesungguhnya sebaik-baik bekal adalah taqwa dan bertaqwalah kepadaKu hai orang-orang yang berakal. Tidak ada dosa bagimu untuk mencari kurniaan (rezeki hasil perniagaan) dari Tuhanmu, maka apabila kamu telah bertolak dari Arafah, berzikirlah kepada Allah di Masyar al- Haram. Dan berzikirlah kepada Allah sebagaimana yang ditunjukkanNya kepada kamu dan sesungguhnya kamu sebelum itu benar-benar termasuk orang yang sesat.*

Dalam ayat di atas juga menjelaskan kepada kita bahawa Mekah boleh dijadikan sebagai pusat perdagangan di antara umat Islam seluruhnya. Oleh itu perlu diadakan satu usaha kearah menjayakan maksud tersebut.

Sepatutnya kegemilangan ekonomi sebelum kedatangan Islam yang berpusat di Mekah perlu dihidupkan kembali. Umat Islam perlu mengetahui bahawa kedatangan mereka ke Mekah bukan sekadar untuk beribadat sahaja

tetapi sebagai duta penggerak ekonomi umat Islam serata dunia. Perdagangan yang diwujudkan di sini boleh menyelesaikan permasalahan pengurusan ekonomi umat Islam seluruh dunia. Oleh yang demikian dengan secara tidak langsung akan lahir satu kuasa ekonomi umat Islam yang kukuh dan maju berlatarbelakangkan ajaran Islam. Dari sini dapat menghilangkan keraguan terhadap kemampuan sistem ekonomi Islam di kaca mata mereka yang bukan Islam. Dengan yang demikian juga, akan lahir pusat perdagangan antarabangsa yang kukuh dan maju di kalangan seluruh umat Islam di peringkat antarabangsa.

Kedudukan Mekah yang terletak di tengah-tengah jalan perniagaan di antara timur dan barat boleh mengukuhkan lagi pusat perdagangan ini. Kalau kita lihat kepada sejarah orang Jahiliah dahulu pun telah menjadikan Mekah ini sebagai pusat perniagaan dan perdagangan pada masa itu. Tiap-tiap tahun orang-orang arab akan ke Mekah pada masa-masa tertentu kerana mengerjakan ibadat di samping menjalankan perniagaan dan perdagangan.

Beberapa buah pasar tahunan telah diadakan di sana, di antaranya yang terkenal:

1. Suq Ukaz

2. Zul Majaz²⁵

Orang-orang arab itu pergi ke sana kerana berjual beli dan bertukar-tukar barang untuk di bawa pulang ke tempat masing-masing.²⁶

Perkara yang perlu diketengahkan dalam pasaran perdagangan sekarang ialah berkONSEPkan perdagangan yang konvensional. Perdagangan yang konvensional ialah konsep perdagangan Islam dalam bentuk perdagangan bebas dan terbuka. Ini adalah konsep yang paling mudah dan merupakan konsep bebas dan terbuka bermaksud ia perlu dibenarkan berkembang selagi ada orang yang ingin membuka perdagangan²⁷.

²⁵ Haji Abdul Aziz Umar 1983, *Pengetahuan Islam*, Cetakan Dian Darulnaim Sdn. Bhd Kota Bharu Kelantan, hal 120

²⁶ Mohd Barjoyai Bardai Mohd Fairuz Md Salleh (2000), *Peluang Perniagaan*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd Kuala Lumpur, hal 48

²⁷ Ibid, hal 48

Konsep pusat perdagangan Islam sebenarnya perlu di kembangkan bukan sahaja meliputi perniagaan dalam negeri sahaja tetapi meliputi dalam arena antarabangsa juga. Dengan itu boleh kita katakan bahawa perhimpunan ini bukan sahaja untuk ibadat haji tetapi boleh juga dikaitkan dengan penghayatan konsep perdagangan antarabangsa dan menjadikan perhimpunan ini sebagai pusat perdagangan dunia Islam. Jika ini dapat dilakukan akan dapat mengembalikan keyakinan bahawa Islam boleh menguasai ekonomi dunia. Ekonomi yang melaksanakan konsep sunah Nabi Muhammad SAW berdasarkan al Quran.

Dengan kata lain konsep pusat perdagangan antarabangsa umat Islam dalam pertemuan musim haji pada setiap tahun akan menjadi asas dalam kemajuan ekonomi dunia ke arah globalisasi dan pemusnahan segala halangan dan sekatan sistem Yahudi dan Nasrani dalam pasaran mahupun di dalam negeri ataupun di peringkat antarabangsa. Konsep pusat perdagangan ini adalah amat sesuai sekali sebagai pusat pertemuan tokoh-tokoh korporat di serata dunia Islam dapat direalisasikan di Mekah sambil menuaikan fardhu haji. Walaubagaimana pun pada pandangan penulis keadaan ini tidak dapat dilaksanakan oleh LTH kerana di luar bidang dan kuasanya. Kuasa ini adalah hak mutlak Kerajaan Arab Saudi.

Dari sudut yang lain sesuatu yang harus disedari bahawa ibadat haji adalah suatu tuntutan fardu keatas setiap penganut Islam sekali seumur hidup. Islam adalah suatu agama Allah untuk seluruh umat manusia sebagai mana firman Allah dalam Surah Al Anbiyaa ayat 107,

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: *Dan tidaklah kami mengutuskan kamu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi semesta alam.*

Pada masa sekarang umat Islam atau penganut Islam berada di seluruh pelusuk dunia. Sebahagian daripadanya tinggal jauh daripada Kota Suci Mekah. Dengan kedudukan ini dapat difahamkan bahawa kefardu haji dalam Islam telah menjadikan faktor utama kearah memberi motivasi kepada setiap umat Islam mempertingkatkan aktiviti kegiatan ekonomi dan prestasinya bagi melayakkannya menunaikan fardu-fardu dalam Islam seperti haji, zakat dan lain-lain. Dengan kata lain setiap amalan perkerjaan memerlukan wang, oleh kerana itulah mendorong umat Islam berkerja bersungguh-sungguh untuk mendapat wang. Wang itu digunakan untuk berbelanja pada jalan kebaikan.

2.5 Peranan Lembaga Tabung Haji Dalam Mempertingkatkan Ekonomi

Peranan yang dimainkan oleh LTH adalah bersetujuan dengan kehendak Islam. Islam tidak melarang manusia bekerja untuk menikmati hasil dari yang diperolehnya. Demikian juga Islam tidak menghalang dalam masa menuai ibadat haji kita melakukan aktiviti ekonomi. Oleh yang demikian usaha LTH adalah memperkembangkan ekonomi yang halal sesuai dengan tuntutan agama.

Firman Allah dalam Surah Al-Qasas; ayat 77:

وَابْتَغِ فِيمَا أَتَيْنَاكَ اللَّهُ الدَّارُ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَكْ
نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاحْسِنْ كَمَا حَسِنَ اللَّهُ إِلَيْكَ
وَلَا تَنْسِيْعُ الْفَسَادِ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud : "Dan tuntutlah amal kebajikan kamu untuk akhirat tetapi jangan kamu lupa bahagian kamu di dunia ini. Dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah telah membuat baik terhadap kamu. Dan jangan kamu membuat kerosakan di muka bumi ini kerana Allah s.w.t tidak suka kepada orang yang membuat kerosakan."

Atas dasar tersebut LTH telah memainkan peranan dengan berkesan bagi kemajuan umat Islam dan membantu memperkembangkan ekonomi negara. Untuk tujuan tersebut LTH telah menceburkan diri dalam pelaburan dan mempelbagaikan aktivitinya di dalam industri perladangan, hartanah dan lain-lain projek usahasama yang menguntungkan. LTH telah berjaya menunjukkan kemampuannya dalam bidang pelaburan dengan mengekalkan pertumbuhan yang stabil dalam aktivitinya.

LTH boleh dikatakan sebagai penggerak ke arah merealisasikan konsep ekonomi Islam. Ini bermakna bahawa selain berfungsi dalam khidmat haji dan umrah, LTH telah menceburkan diri dalam kegiatan pelaburan untuk mendapatkan pulangan yang menguntungkan serta kepercayaan masyarakat Islam.

2.6 Lembaga Tabung Haji dan Urusan Haji

2.6.1 Urusan Haji

LTH sebuah organisasi yang membantu umat Islam menunaikan fardu haji. Oleh yang demikian sebelum sesorang itu pergi menunaikan fardu haji mereka perlu mendaftar sebagai seorang bakal haji. Apabila mereka dipilih sebagai jemaah haji mereka perlu mengikuti kursus haji. Ini bagi memberi kefahaman hukum-hukum berkaitan dengan ibadat haji. Kelazimannya, kursus ini diadakan disetiap daerah sebelum berangkat ke Tanah Suci. Dan ianya terbahagi kepada beberapa kategori :-

1. Kursus Haji Bersiri yang diadakan setiap minggu sekurang-kurangnya 13 minggu di setiap daerah yang telah ditetapkan.
2. Kursus Haji Intensif yang diadakan secara kumpulan seramai 50 orang. Kursus ini lebih didedahkan kepada pengajaran secara teori dan praktikal, meliputi perbincang di antara guru dan bakal haji tentang hal-hal yang berkaitan dengan haji atau umrah.

3. Kursus Haji Perdana diadakan sebelum jemaah haji berangkat ke Tanah Suci. Ianya dihadiri oleh semua bakal-bakal haji di seluruh negeri.

Kursus-kursus ini telah dijalankan disemua peringkat negeri dan daerah dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri.

2.6.2 Penerbitan dan Risalah

Selain dari mengadakan kursus ini, pihak LTH telah menerbitkan risalah buku panduan dan penerangan, poster-poster dan sebagainya yang ada kaitan dengan ibadat haji. Risalah dan buku-buku ini secara amnya mengandungi penerangan, maklumat, berita, doa-doa dan bacaan-bacaan yang diperlukan bagi melaksanakan ibadat haji dan umrah. Buku-buku itu adalah seperti Panduan Ibadat Haji, Umrah dan Ziarah, Buku Doa, Buku Soal Jawab Ibadat Haji Umrah dan Ziarah, Buku Haji untuk wanita dan lain-lain lagi.

Kebanyakan buku-buku ini diberi secara percuma dan sambutan di kalangan jemaah haji adalah menggalakkan kerana ianya mudah difahami, ringkas dan sesuai untuk jemaah haji mempelajarinya. Penerbitan risalah ini adalah merupakan sokongan ke arah penyempurnaan ibadat haji. Sebenarnya penerbitan ini memang banyak membantu para jemaah dalam hal memahami dengan lebih jelas akan selok belok ibadat haji itu di samping mendapat maklumat awal tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan keadaan dan tempat-tempat yang penting di Tanah Suci.

2.6.3 Perkhidmatan Kesihatan Jemaah Haji

Urusan kesihatan bagi jemaah haji adalah merangkumi kesihatan bakal haji di Malaysia dan di Tanah Suci.

a) Kemudahan Kesihatan di Malaysia

Kemudahan kesihatan dalam negeri bermula dengan pemeriksaan kesihatan bagi setiap jemaah haji. Pada ketika yang telah ditetapkan pemeriksaan akan dilakukan oleh doktor-doktor panel LTH sendiri ataupun oleh doktor-doktor di hospital-hospital kerajaan atau klinik-klinik swasta

yang diiktiraf oleh pihak LTH. Selain tujuan pemeriksaan kesihatan itu ialah untuk menentukan setiap jemaah itu sihat dan berupaya untuk menunaikan fardu haji, juga untuk memberikan beberapa suntikan Pencegahan penyakit iaitu sebagai memenuhi syarat perubatan bagi memasuki Arab Saudi. Ini meliputi para jemaah yang mengidap penyakit-penyakit tertentu seperti kencing manis, darah tinggi, lemah jantung dan sebagainya, supaya dapat mengenal pasti jenis penyakit dan pesakitnya. Ini akan memudahkan pasukan perubatan LTH di Arab Saudi untuk memberikan rawatan sewajar kepada mereka sekiranya diperlukan.

Bagi jemaah yang berpenyakit mereka dinasihatkan membawa ubat-ubatan demi menentukan kesihatan mereka sendiri. Lazimnya pihak LTH juga membekalkan sedikit ubat-ubatan kepada setiap jemaah mengawal bagi serangan sakit-sakit yang ringan seperti batuk, pening atau sakit kepala dan demam selsema³⁰. Jadual 2.1 menunjukkan kes yang dirawat oleh rombongan perubatan semasa di Tanah Suci.³¹

³⁰ Lembaga Tabung Haji, *Laporan Tahunan 1996*, hal 9

³¹ Lembaga Tabung Haji, *Laporan Tahunan 1999*, hal 54

KES RAWATAN

KES YANG DIRAWAT	1999	1998	1997	1996
Penyakit Berjangkit	-	-	-	-
Penyakit 'Cardio Vascular	3,094	1,244	1,060	1,708
Penyakit Paru-Paru	63,418	64,024	42,069	53,568
Penyakit Gastro Intestinal	3,631	2,337	2,118	1,955
Penyakit Saluran Kencing	828	405	352	734
Penyakit Perbidanan dan Sakit Puan	375	240	228	250
Penyakit Kulit	3,385	1,921	2,099	2,284
Penyakit Tulang dan Otot-Otot	2,967	2,460	1,825	3,365
Penyakit Psikiatrik	196	160	254	312
Penyakit Metabolik	555	286	426	589
Penyakit Mata	1,470	1,108	1,147	1,790
Penyakit Telinga, Hidung dan Kerongkong	2,089	1,040	1,416	1,365
Penyakit Mulut, Gusi dan Gigi	860	289	1,590	596
Luka, Patah dan Melecur	239	176	96	173
Pembedahan Kecil	6	10	6	6
Keletihan Panas	172	85	75	154
Kejutan Panas	-	-	-	-
Kanser	-	-	24	1
Lain-lain	1,231	547	491	655
JUMLAH	84,516	76,432	55,321	69,521
JUMLAH JEMAAH HAJI	34,920	29,404	25,747	24,782

JADUAL 2.1

Khidmat dalam negeri ini adalah sangat penting bukan sahaja dari segi kesihatan para jemaah tetapi juga dari segi kemudahan mereka. Ini ialah kerana segala pemeriksaan kesihatan mereka dilakukan terlebih awal dan di dalam negeri sendiri serta dalam keadaan yang sangat selesa pula³².

Selain daripada itu juga urusan berkaitan juga disusun rapi antaranya meliputi :-

- Pembelian dan penghantaran ubat/alat perubatan di Tanah Suci
- Memberi nasihat dan panduan kesihatan di dalam kursus haji kepada jemaah haji seluruh Malaysia.
- Menyelaras pemeriksaan kesihatan pertama dan kedua kepada jemaah haji
- Mendapat permit dari pihak berkuasa Arab Saudi untuk ;
 1. Menghantar ubat atau alat perubatan
 2. Membuka hospital atau klinik Malaysia di Jeddah/Mekah/Madinah.

³² Mohamad Amin Haji Hassan, Mohamad Yusoff @ Zainal Abidin Abdul Wahid, *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 tahun*, Kuala Lumpur, 1993 hal 143

3. Kelulusan bertugas bagi anggota Rombongan Perubatan Malaysia untuk berkhidmat di Jeddah/Mekah/Madinah.

- Menyelaras pengambilan anggota rombongan perubatan Malaysia dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Memberi taklimat dan latihan kepada petugas-petugas perubatan yang akan berkhidmat di Tanah Suci.

Pada tahun 1996 hingga tahun 1999 beberapa aktiviti inovasi telah dilakukan.

Antaranya ialah:-

- a) Menyediakan nota panduan ceramah kesihatan.
- b) Memilih penceramah-penceramah kesihatan daripada pegawai-pegawai perubatan yang berpengalaman di Tanah Suci.
- c) Menyediakan skrip panduan kesihatan untuk siaran Televisyen Malaysia.

d) Menyediakan poster-poster penerangan kesihatan haji³³.

b) Kemudahan Kesihatan Di Tanah Suci

Di samping khidmat perubatan / kesihatan peringkat awal LTH juga menyedia dan menghantar rombongan perubatannya pada setiap musim haji ke Arab Saudi. Rombongan perubatan mempunyai tugas dan fungsi yang tertentu setelah mereka sampai ke Arab Saudi.

Antara tugas mereka adalah seperti berikut:-

- Memberi rawatan perubatan kepada jemaah haji dari mula tiba di Jeddah sehingga pulang ke Malaysia.
- Memberi penerangan kesihatan kepada jemaah haji.
- Memberi rawatan pesakit luar di klinik-klinik Malaysia di Jeddah sehingga pulang ke Malaysia.
- Memberi rawatan pesakit dalam di Hospital Malaysia di Makkah.
- Membuat rondaan ke tempat kediaman jemaah haji oleh pasukan peronda perubatan.
- Mengendalikan klinik zon di kawasan kediaman jemaah haji.

³³ Lembaga Tabung Haji, *Laporan Tahunan 1999*, hal 62

- Membawa pesakit dari Madinah ke Makkah dan ke Jeddah.
- Merujuk kes-kes ke Hospital Arab Saudi, khususnya penyakit-penyakit kejutan panas yang serius, kes-kes pembedahan, perbidanan dan sakit puau.

Mulai tahun 1979, Rombongan perubatan juga mengendalikan Hospital Malaysia di Aziziah, Dispensari di Jeddah, Madinah, Arafah dan Mina, klinik bergerak, ambulan untuk jemaah haji yang sakit dan sebagainya.

Penubuhan Hospital Aziziah dalam tahun 1979 telah memberi banyak kemudahan kepada jemaah haji Malaysia. Jemaah haji yang dirawat di hospital Arab mungkin bertambah teruk sakitnya kerana tidak dapat berkomunikasi secara berkesan dengan pekerja-pekerja hospital Arab. Jiwa mereka lebih tertekan. Dengan wujudnya Hospital Aziziah dirasakan ketenangan di kalangan jemaah kerana dapat layanan dari doktor dan pembantu-pembantu yang terdiri dari orang Malaysia sendiri³⁴. Soal kesukaran perhubungan tidak timbul lagi.

Di samping itu, rombongan perubatan juga mengendalikan dua buah pusat pemulihan yang telah ditubuhkan di Madinah dan Mekah. Fungsi

³⁴ Mohamad Amin Haji Hassan, Mohamad Yusof @ Zainal Abidin bin Abdul Wahid, *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 tahun*, Kuala Lumpur, 1993 hal 144

pusat-pusat ini ialah untuk menempatkan para pesakit Malaysia yang telah dikeluarkan dari Hospital Arab Saudi, iaitu sementara menunggu mereka itu benar-benar sembuh. Di situ mereka diberi jagaan dan makanan yang sewajarnya supaya mereka sembuh sepenuhnya dan seterusnya dihantar ke maktab masing-masing. Seperti perkhidmatannya di bahagian lain, pihak LTH memang mengambil berat terhadap kesihatan para jemaah haji. Malah aspek ini boleh dikatakan mendapat perhatian yang lebih jika dipandang dari aspek-aspek seperti pengangkutan dan penginapan. Ini adalah berdasarkan anggapan bahawa yang sihat itu akan dapat melaksanakan ibadat hajinya lebih sempurna daripada yang uzur³⁵.

Oleh kerana itu pihak LTH memang berusaha supaya jemaah haji berada dalam keadaan kesihatan yang maksimum dari segi mental dan fizikalnya. Namun demikian terdapat juga jemaah haji yang jatuh uzur, meninggal dunia malahan inilah yang harus dihadapi oleh LTH dan sesungguhnya ia telah menghadapi dan mengendalikannya dengan cemerlang sekali³⁶.

2.6.4 Penambahbaikan Pengurusan Haji

Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan dalam musim haji 1419H/1999 adalah seperti berikut:-

- a) LTH buat pertama kali membuat kutipan korban.

³⁵ Ibid, hal 145

³⁶ Ibid, hal 147 dan 148

- b) Penggunaan syarikat penerbangan Air Asia menggantikan syarikat penerbangan Transmile.
- c) Di Arafah dan Mina disediakan tempat mengambil wuduk dan tandas
- d) Solat jenazah Di Madinah diadakan.
- e) Perkhidmatan pengeluaran wang tanpa mengisi borang . Jemaah hanya menggunakan lencana sebagai pengenalan diri.
- f) Penggunaan rumah besar di Madinah
- g) Kewujudan Bahagian Perundungan dan Penguatkuasa Jabatan Haji bagi mengatasi masalah yang berkaitan dengan peraturan dan undang-undang.³⁷

2.7 Kesimpulan

Kesepadan di antara ibadat dan ekonomi tidak menjadikan satu kesalahan dalam Islam. Oleh yang demikian perkara ini telah dilakukan oleh LTH semenjak ianya ditubuhkan lagi. Penulis berkeyakinan sekiranya Mekah itu dijadikan sebagai pusat perdangangan antarabangsa semasa musim haji, LTH boleh memainkan peranan dan memberi sumbangan yang berguna ke arah itu demi kebaikan umat Islam seluruhnya.

³⁷ Lembaga Tabung Haji, *Laporan Tahunan 1999*, hal 62